




ألف سنة Alfū Sanatin

Garis Masa dari
Khalifah Uthman ke
Khilafah Uthmaniyyah

Ibnu Rijal



ألف سنة
في تاريخ الملوك والسلاطين

Alfu Sanatin

Garis Masa dari
Khalifah Uthman ke
Khilafah Uthmaniyyah

PUSAT PERDIANA



1013980



Ibnu Rijal

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.

JAMINAN KEPUASAN TERPELIHARA

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan percetakan, sila kembalikan kepada kami untuk diganti dengan naskhah yang baru. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi kami di talian 03-5101 7388 atau e-mel: karya.bestari@karangkraf.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-86-1041-4

Diterbit oleh: **KARYA BESTARI SDN. BHD.**



Lot 1, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5101 7388

Diedarkan oleh: **GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.**



Lot 1, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5101 7388
Co No: 276419M • AJL No: 931283
• Faks: 03-5101 7333

Dicetak oleh: **ULTIMATE PRINT SDN. BHD.**



Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-5101 3388 • Faks: 03-5101 3300

ISI KANDUNGAN

Jadual Tahun Hijrah - Masihi
Garis Masa Peristiwa Sejarah Islam (Hijrah)
Pendahuluan

BAB SATU: Permulaan yang Menyedihkan (35H-40H)

Hujah Menjatuhkan	2
Uthman Membakar Al-Quran!	6
Konspirasi Surat Palsu	10
Sayidina Ali Menjadi Khalifah yang Baru	16
Perang Jamal	19
Ali vs Muawwiyah	21
Kitab-kitab yang Mengumpulkan Nama Para Sahabat	27
Siapa Sahabat?	28
Perawi dalam Kalangan Sahabat	28
<i>Al-'Abadillah</i>	29
Ulama dalam Kalangan Sahabat	29
Hierarki Para Sahabat	30
Sahabat yang Terakhir Wafat	31

BAB DUA: Umayyah, Sinkronik dan Karbala (41H-73H)

Pengepungan Pertama Konstantinopel	37
Para Khalifah	40
Karbala	42
<i>Harrah</i> di Madinah	50
<i>Harrah</i> di Mekah	53
Krisis Kekosongan Takhta	55

BAB TIGA: Mujaddid dan Ulama (73H-132H)

Penyusunan Hadis	69
Definisi Tabiin	73
Hierarki Para Tabiin	73
Kemunculan Muktazilah	78
Ahlu Ra'yi dan Ahlu Hadith	79

BAB EMPAT : Abasiyyah, Mehnah & Kutub Sittah (132H-324H)

Era Baghdad	92
Kisah Al-Syafie	100
Mehnah	102
Para Imam <i>Kutub Sittah</i>	110
Fitnah Al-Bukhari	112
Al-Sya'irah	115

BAB LIMA : Perpecahan (320H-463H)

Andalusia	119
Fasa-fasa Abasiyyah	125
King Roger II	126
Kerajaan-kerajaan Kecil di Timur dan Barat Baghdad	130
Dinasti Bani Buwaih	131
Kerajaan Fatimiyyah	133
Dinasti Bani Seljuk	137
Gerakan Hasyasyin	144

BAB ENAM : Ghazalisme, Saladin & Crusade (463H-588H)

Hujjatul Islam	148
Fatwa Salib	152
Salahuddin al-Ayyubi	156
Pertempuran Kedua	158

BAB TUJUH : Mongol : *The Great Reset* (590H-774H)

Kemasukan Mongol	169
Kemusnahan Baghdad	173
Kelahiran Semula	178
Ain Jalut	185

BAB LAPAN: Mamluk, Uthmaniyyah & Granada (648H-917H)

Kerajaan Mamluk Mesir	192
Permulaan Uthmaniyyah	197
Anak Cucu Mongol	200
Al-Fatih dan Konstantinopel	204
<i>Reconquista</i> di Granada	211
Mamluk vs Uthmaniyyah	217

BAB SEMBILAN: Krisis Kemodenan Masihi (1700M-1924M)

Detik Keruntuhan Sebuah Empayar Tua	220
Detik Pertembungan Dua Blok	223
Krisis Identiti Umat Islam Abad ke-18M	231
Wahhabism	234
Berakhirnya Dinasti Mughal	241
Parsi	247
Sakaratul Uthmaniyyah	249
Tanzimat	254
Permulaan Malapetaka	264
Penggulingan Sultan Abdul Hamid II	272
Tamatnya Riwayat Uthmaniyyah	281
Ironi	288

Penutup

Biodata Penulis

JADUAL TAHUN HIJRAH-MASIHI

KURUN	TAHUN HIJRAH	TAHUN MASIHI
Kurun ke-1H	1H-99H	622M-719M
Kurun ke-2H	100H-199H	719M-816M
Kurun ke-3H	200H-299H	816M-913M
Kurun ke-4H	300H-399H	913M-1009M
Kurun ke-5H	400H-499H	1009M-1106M
Kurun ke-6H	500H-599H	1106M-1203M
Kurun ke-7H	600H-699H	1203M-1299M
Kurun ke-8H	700H-799H	1299M-1397M
Kurun ke-9H	800H-899H	1397M-1495M
Kurun ke-10H	900H-999H	1495M-1591M
Kurun ke-11H	1000H-1099H	1591M-1688M
Kurun ke-12H	1100H-1199H	1688M-1785M
Kurun ke-13H	1200H-1299H	1785M-1883M
Kurun ke-14H	1300H-1399H	1883M-1980M
Kurun ke-15H	1400H-1499H	1980M-kin



GARIS MASA PERISTIWA SEJARAH ISLAM (HIJRAH)



35 H
Pembunuhan Sayidina Uthman

36 H
Sayidina Ali menjadi Khalifah keempat

36 H
Majlis Taklim

164 H
Imam Ahmad bin Hambal Lahir

159 H
Kitab agung hadis pertama, Muwatta' Imam Malik siap ditulis

150 H
Lahirnya Imam al-Syafie & kewafatan Imam Abu Hanifah

140 H
Pembinaan kota Baghdad

138 H
Abdul Rahman Al-Dakhil mengasaskan Umayyah Barat di Andalusia

179 H
Imam Malik wafat

198 H
Bermula peristiwa Mehnah di Baghdad

231 H
Umayyah Barat berjaya menewaskan tentera Viking di Sevilla

232 H
Tamatnya Mehnah

241 H
Imam Ahmad wafat

256 H
Imam Al-Bukhari wafat

260 H
Lahirnya Imam Abu Hasan Al-Sya'ari

922 H >
Penguasaan dan perluasan kuasa Uthmaniyyah hingga ke era moden

922 H
Perang Mamluk Mesir vs Uthmaniyyah


903 H
Tamatnya kerajaan Islam di Sepanyol

857 H
Pembebasan kota Konstantinopol oleh Sultan Al-Fatih

728 H
Kewafatan Ibnu Taimiyyah

700 H
Lahirnya Imam Ibnu Kathir

678 H
Kewafatan Imam N...



PENDAHULUAN

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian Alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Mulia Nabi Muhammad SAW. Syukur kepada Allah, pada 5 Januari tahun 2024M bersamaan 23 Jamadilakhir tahun 1445H, jam 1.05 minit pagi, saya telah berjaya menyiapkan naskhah **Alfu Sanatin : Garis Masa Dari Khalifah Uthman Ke Khilafah Uthmaniyyah** ini.

Sebenarnya telah lama saya menyimpan hasrat untuk menulis sejarah seribu tahun umat Islam sendiri. Saya menulis sebagai seorang pembaca. Ketika membaca naskhah-naskhah sejarah lengkap umat Islam sebelum ini daripada para penulis terkemuka dunia, tanpa merendahkan atau menafikan kehebatan mereka, saya mendapati sukar untuk saya memahami sejarah ini secara mudah dan berkaitan dalam satu jalan cerita.

Saya mendapati sejarah Islam itu seperti jujuk yang terpisah-pisah dan berpintal-pintal hingga sukar untuk saya menghubungkan kaitkan antara tamadun, kerajaan, tokoh dan sumbangan, dengan masa serta tempat yang terlibat. Saya tahu Ibnu Sina hebat, tetapi Ibnu Sina asal dari mana? Saya tahu sejarah Salahuddin al-Ayyubi, tetapi beliau berperang zaman yang mana dan untuk kerajaan yang mana?

Ketika semua ini bercampur aduk di fikiran, saya sekadar generalisasikan kehebatan empayar Islam hingga saya tercampur-campur tokoh sains di Andalusia dengan tokoh

yang di Baghdad. Bahkan saya tidak pun sedar bahawa Ibnu Hajar al-Asqalani yang menulis Syarah kepada kitab Sahih Bukhari, jarak antara mereka adalah hampir 600 tahun! Saya pernah menyangka imam tafsir hebat, Imam Qurtubi itu adalah lelaki yang tinggal di Arab, rupanya beliau adalah Muslim Sepanyol! Begitu juga dengan banyak kejadian dan peristiwa lain yang membelenggu saya.


Saya fikir, penyelesaian untuk semua ini adalah, sejarah Islam itu harus ditulis dengan kaedah garis masa dan bersifat “*one-line story*”. Pembaca akan dibawa melalui satu garis sahaja untuk pergi ke setiap sempadan tahun dan tempat, tanpa ditinggalkan oleh penulis, atau tanpa perlu untuk melompat kepada garis yang lain. Dengan cara itu, maka insya-Allah, perjalanan untuk memahami sejarah besar Islam dan segala hubung kaitnya akan menjadi mudah dan minat kita kepada sejarah kita ini akan kembali menambah.

Atas segala kesedaran itulah, maka terhasilnya naskhah ini. Tidaklah karya ini yang paling sempurna. Tetapi telah saya cuba tuliskan seluas yang boleh, telah saya permudahkan seringkas yang boleh, telah saya visualkan sefaham yang boleh, agar naskhah ini kelak tidak sekadar menjadi bacaan, tetapi mudah-mudahan ia menjadi rujukan.

Semoga karya ini menjadi hujah bagi saya di negeri akhirat kelak dan mudah-mudahan karya ini tidak menjadi hujah dan bebanan ke atas saya di negeri abadi nanti.

Penulis yang Membaca.

Ibnu Rijal



BAB SATU



Permulaan yang Menyedihkan [35H-40H]

SAYA memilih untuk memulakan penulisan ini dari tahun 35H. Saya memilihnya kerana tahun itu adalah titik terpenting permulaan kepada sebuah sirah.

Ya, ini adalah tahun di mana terbunuhnya khalifah Islam yang ketiga iaitu Sayidina Uthman bin Affan.

Saya kira, ini titik yang merubah segala. Tahun ini terus-menerus dikenang sebagai tahun fitnah dan permulaan kepada segala sengketa. Dan jika anda mahu memahami dengan benar tentang asal usul wujudnya pelbagai cabang fikir dalam sejarah Islam, tidak kira dari sudut politik, mazhab, kelompok, geografi, atau apa sahaja, anda tidak boleh terlepas titik yang paling penting ini iaitu tahun 35H.

ألف سنة Alfu Sanatin

Garis Masa dari Khalifah Uthman
ke Khilafah Uthmaniyyah



Sesuai dengan judulnya, **Alfu Sanatin** yang bermaksud "seribu tahun". Naskhah ini membawakan kepada anda sejarah seribu tahun umat Islam.

Jika selama ini anda dapati sejarah Islam itu terpisah-pisah dan berpintal-pintal, maka *Alfu Sanatin* adalah pembaris yang meluruskannya. Olahan dibuat secara teratur dan tersusun tanpa bercampur-campur antara masa, tempat, tokoh dan peristiwa.

Alfu Sanatin akan membawa anda dari Madinah terus ke Kufah, meniti kerajaan Umayyah, menyaksikan Karbala berdarah, lalu terus ke Baghdad melihat Abasiyyah dan segala proses perkembangan mazhab serta fikrah. Lalu kita terbang ke Andalusia melihat segala ciptaan sains dan perdebatan falsafah. Salam kenalan untuk al-Ghazali, Ibnu Sina dan yang lain, sebelum kita melangkah ke Mesir, ada Mongol yang perlu diusir. Kemudian kita berarak ke Baitul Maqdis, di belakang Salahuddin melawan salib. Belum sempat jatuh panji kita, terbit sinaran dari Uthmaniyyah, kita sertai al-Fatih membebaskan kota Konstantinopel seperti janji Rasulullah.

Perjalanan yang sepanjang seribu tahun ini berlaku antara dua Uthman. Ia bermula dengan pembunuhan Sayidina Uthman dan berakhir dengan jatuhnya khilafah Uthmaniyyah.

Nikmatilah! Perjalanan panjang, tidak pernah seindah ini!



karyabestari



www.karangkrakmall.com

ISBN 978-967-86-1041-4



9 789678 161041

Sem. Malaysia : RM32.00
Sabah/ Sarawak : RM35.00



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA